


## Sembilan kampung ditenggelami air, dua jalan ditutup di Jeli

Astro Awani | 📅 Disember 18, 2019 10:02 MYT



Banjir turut menyebabkan dua jalan terputus dan ditutup kepada awam iaitu Jalan Air Lanas dan Jalan Reko. Foto JBPM Kelantan

**JELI:** Hujan lebat sejak tengah hari semalam menyebabkan sembilan kampung di daerah ini ditenggelami air.

Kampung yang terlibat adalah Kampung Sungai Mekong, Jeli Lama, Air Lanas, Rahmat, Wakaf Zain, Legeh, Sungai Satan, Lakota dan Gemang.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Daerah Jeli, Penolong Penguasa Bomba Mohd Adni Ibrahim berkata, air naik mendadak bermula jam 11 malam sehingga jam tiga pagi tadi.

Katanya, sebanyak enam Pusat Pemindahan Sementara (PSS) mula dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Jeli 1, SK Legeh, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Lanas, Pusat Pasti Sungai Satan, Masjid Gemang dan Lakota.

"Kita terima panggilan menyelamatkan jam 11 malam tadi dan operasi menyelamatkan dilakukan pelbagai agensi, manakala bomba bertugas seramai 12 orang dengan tiga anggota pasukan bomba sukarela (PBS)," katanya ketika dihubungi hari ini.

Mohd Adni berkata, banjir turut menyebabkan dua jalan terputus dan ditutup kepada awam iaitu Jalan Air Lanas dan Jalan Reko.

Ia sekali gus menyebabkan laluan Lebuhraya Timur Barat yang menghubungkan Jeli dan Gerik, Perak, tidak boleh dilalui semua kenderaan.